


INFOKAMPUS

Feb 2021



116215

Info kampus Feb 2021 / UiTM Cawangan
Sarawak



UiTM
SARAWAK

pays courtesy visit to the
Chief Minister
of Sarawak

Courtesy Visit
Datuk Hi Abdul Karim
Rahman Hamzah

MOA

UiTM & STOMA SDN BHD

KAIB 2020

Soars to Greater Heights

innosTRE
First Hybrid Conference

YBhg. Profesor Dr. Firdaus Abdullah, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa telah menerima kunjungan daripada pihak Kolej SATT yang diketuai oleh Encik Muhamad Nazri bin Datuk Haji Abdullah selaku Pengarah Urusan Kolej SATT.

Pertemuan tersebut adalah untuk membincangkan pelbagai peluang kerjasama yang berpotensi dijalinan di antara kedua-dua belah pihak terutama yang berkaitan dengan pengembangan dan penawaran program latihan berasaskan kemahiran.

Menerusi pertemuan tersebut, kedua-dua belah pihak dilihat sangat positif bahawa beberapa program dapat dimulakan dalam jangka waktu yang terdekat. Justeru, perbincangan lebih lanjut akan diadakan dan perjanjian persefahaman dijangka bakal termeteri sedikit masa lagi.

Turut hadir pada pertemuan tersebut adalah Dr. Clotilda Petrus (Koordinator TVET UiTM Sarawak), Puan Patricia Melvin Jussem (Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan), Encik Fabian bin Henry (Ketua Eksekutif Kolej SATT), Encik Abdul Mu'min bin Jami (Ketua Akademik Kolej SATT) dan Puan Malisawani binti Othman (Ketua Program UiTM Kolej SATT).



KUNJUNGAN Kolej SATT

Kempen Membaca "Read@Uni" anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak telah dirasmikan pada 20 November 2019. Majlis perasmian telah dilaksanakan oleh Profesor Madya Dr. Firdaus Abdullah, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa. Kempen "Read@Uni" adalah selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyemarakkan Kempen Membaca Kebangsaan bermula pada tahun 2018 sehingga tahun 2020 seperti dihasratkan oleh YB Dr. Mazlee Malik, Menteri Pendidikan Malaysia menjelang Dekad Membaca 2030.

Program "Read@Uni" Peringkat UiTM Cawangan Sarawak dengan slogan "With Knowledge We Lead" merupakan satu program yang melibatkan seluruh warga UiTM dan juga masyarakat setempat terutamanya sekolah rendah dan sekolah menengah yang berdekatan. Disamping itu, pihak PTAR juga akan mengunikan dan menyampaikan hadiah kepada peminjam terbanyak dalam kalangan warga UiTM sendiri yang telah dibahagikan kepada empat kategori iaitu Pelajar Diploma, Pelajar Ijazah, Staf Akademik dan Staf Bukan Akademik.

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak akan terus menyokong dan menggiatkan usaha-usaha ke arah menyemarakkan lagi minat dan budaya membaca serta menulis dalam kalangan warganya untuk terus menjadi warga membaca warga berilmu.

Pengarang:
Hapsah Binti Suut

Perasmian KEMPEN MEMBACA

Program Makers Meet (Makeup Session) - Outshine Your Beauty with Gebriel Padan anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Samarahan 2 telah berlangsung dengan jayanya pada 13hb November, 2019.

Program ini telah menampilkan jurusolek professional/jurusolek selebriti yang terkenal iaitu En. Gebriel Padan yang telah memberikan ceramah mengenai asas penjagaan kulit yang betul dan demo kecantikan dalam bengkel yang berlangsung selama 3 jam dan telah dihadiri lebih 200 peserta terdiri daripada pelajar, pensyarah dan staf UiTM dari pelbagai fakulti dan bahagian.

Ucapan tahniah juga diucapkan buat para pelajar yang telah menyertai pertandingan makeup yang telah dianjurkan dan diadili oleh En. Gebriel sendiri. Syabas diucapkan!

PROGRAM MAKER'S MEET "OUTSHINE YOUR BEAUTY" [READ@UNI]

Pengarang:
Hapsah Binti Suut





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PIB
PROFESSIONAL MUTAWWIF
DEVELOPMENT

NGANI MEMORANDUM PERSEFAAMAN (ANTAR
MARAWAK



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

INFOKAMPUS

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak
94300 Kota Samarahan,
Sarawak,
Malaysia
+6082 677 200

ISSN: 2232-1578



9 772232 157005